

Irama Berzanji Tunggak Utama dalam Kompang Rodat

Eizrin Nursyahirah Binti Ahmad Badrin
Farah Binti Sarkawi
Jannatul Iza Ahmad Kamal
Jafalizan Md. Jali

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

Abstrak

Kepelbagaian jenis khazanah warisan dan budaya tradisional yang menarik di Malaysia membuatkan ia sangat berharga serta mempunyai nilai yang tersendiri yang boleh dijadikan sebagai simbolik kepada sesetengah warisan negeri, budaya, dan etnik. Salah satu daripadanya adalah alat muzik tradisional iaitu Kompang. Kompang merupakan alat muzik tradisional yang amat sinonim dengan masyarakat Melayu. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, kompang bermaksud gendang seperti rebana yang dipukul dengan sebelah tangan yang dimainkan dalam pelbagai majlis keraian masyarakat Melayu serta majlis kebesaran. Ia adalah untuk memeriahkan lagi sesebuah majlis tersebut. Kajian ini adalah berkenaan dengan seorang yang berpengalaman dalam dalam bidang bermain dan mengajar kompang. Oleh itu, kajian ini dapat memperlihatkan jenis-jenis kompang, jenis-jenis irama, teknik bermain kompang, dan ciri-ciri yang perlu ada untuk setiap pemain kompang. Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kajian sejarah lisan dan dokumen analisis daripada Arkib Negara Malaysia. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu untuk menambah pengetahuan berkaitan bidang alat muzik tradisional kompang.

Kata kunci: *Kompang, Melayu, Malaysia, tradisional, warisan.*

Abstract

The variety of interesting heritage and traditional cultural treasures in Malaysia makes it important and has its own value that can be used as symbolic to some state, cultural, and ethnic heritage. One of them is a traditional musical instrument called Kompang. Kompang is a traditional instrument that is synonymous with the Malay community. According to the Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, kompang is like tambourines, similar to a drum that plays using a hit with the hand and usually played in various ceremonies of the Malay community and various parties or events. It is to enliven the event. This study is about an experienced person in the field of playing and teaching kompang.

Therefore, the results of this study can show the types of kompang, the types of rhythm, kompang playing techniques, and the characteristics that must be present for each kompang player. The study conducted is based on the study of oral history and analytical documents from the National Archives of Malaysia. The results of this study are expected to help to increase knowledge related to the field of traditional kompang musical instruments.

Keywords: *Kompang, Malay, Malaysia, traditional heritage.*

PENGENALAN

Kepelbagaian jenis khazanah warisan dan budaya tradisional yang menarik dan diiktiraf adalah penting untuk dipelihara kerana ia boleh dijadikan sebagai simbolik bagi sesetengah warisan negeri, budaya, dan juga etnik. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia menyatakan bahawa warisan dibahagikan kepada jenis warisan ketara serta warisan tidak ketara. Warisan ketara melibatkan tapak tanah bersejarah, monumen, bangunan, alam semulajadi dan artifak. Manakala, warisan tidak ketara merujuk kepada ilmu dan kepakaran, adat dan budaya, dan bahasa dan persuratan, ungkapan, bahasa, pepatah, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian samada seni pentas, persembahan teater, dan seni mempertahankan diri (Akta Warisan Kebangsaan, 2005). Dengan adanya kepelbagaian jenis khazanah warisan dan budaya, ia boleh dijadikan sebagai adat tradisi turun temurun kerana ia mempunyai nilai-nilai murni dan pengajaran yang boleh menjadi teladan dan rujukan untuk setiap generasi. Ia dapat dibuktikan menerusi sebuah petikan falsafah "Sebuah budaya bangsa tinggal di hati dan di dalam jiwa rakyatnya (Mahatma Gandhi)". Ia boleh dijadikan contoh supaya setiap individu dapat memelihara, memupuk minat untuk mencintai warisan, serta sedar akan kepentingan warisan yang ada di Malaysia.

Permainan kompang telah wujud semenjak abad ke-13 yang berasal dari Tanah Arab dan kemudiannya berkembang ke Malaysia atau dikenali sebagai Tanah Melayu pada suatu masa dahulu. Oleh itu, permainan kompang telah diwarisi sejak berzaman. Kompang merupakan alat muzik tradisional masyarakat Melayu yang sangat istimewa kerana ia dimainkan dengan menggunakan pelbagai jenis irama dan lagu. Kebiasaannya, ia bergantung kepada tempat, masyarakat, dan majlis keraian di yang dianjurkan. Contohnya, di masjid, surau, atau majlis keraian seperti majlis khatam Al-Quran, berkhatan,

perkahwinan, serta di majlis besar-besaran. Lagu-lagu yang acap kali dimainkan adalah Assolatu, Bissarri, Ya-Solatun, Sailillah, dan Selamat Pengantin Baru.

PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut satu temubual Berita Harian Online “Jangan Pandang Alat Muzik Tradisi Sebelah Mata” (2017) bersama Pengarah Muzium Muzik, Rohana Husin, sejarah alat muzik bermula sejak era prasejarah dan ia berkaitan dengan pelbagai sisi dalam kehidupan manusia. Tetapi, terdapat cabaran dalam mengekalkan kepentingan warisan tersebut. Oleh itu, terdapat beberapa permasalahan kajian yang dapat dinyatakan di dalam kajian ini.

Kurang pendedahan kepada masyarakat bahawa kompang mempunyai peranan yang tersendiri.

Jika dilihat masyarakat pada zaman kini kurang mendapat pendedahan bahawa kompang merupakan sebuah warisan dan alat muzik tradisional Melayu. Menurut Berita Harian Online “Jangan Pandang Alat Muzik Tradisi Sebelah Mata” (2017), alat muzik tradisional dilihat sebagai pelengkap kepada sesuatu persembahan. Menurut Pengarah Muzium Muzik, Rohana Husin, meskipun ia sering digunakan dalam sesuatu majlis dan persembahan, namun peranannya tidak dianggap penting oleh masyarakat. Masyarakat hanya melihat kepada persembahannya, tetapi tidak menyedari bahawa ia juga mempunyai peranan untuk pembentukan masyarakat serta menjiwai sesuatu lagu dan irama. Oleh yang demikian, ia boleh melenyapkan struktur sosial dan budaya masyarakat serta rasa cintai terhadap budaya tersebut.

Pemain dan persatuan kompang menggunakan lagu berunsurkan Islam kurang mendapat sambutan dan pengiktirafan

Permainan alat tradisional kompang sememangnya boleh dimainkan oleh pelbagai golongan umur, tidak kira kompang yang menggunakan lagu moden atau lagu yang berunsurkan Islam. Persatuan kompang yang menggunakan lagu moden seringkali mudah untuk mendapat sambutan dan pengiktirafan berbanding dengan persatuan kompang yang menggunakan lagu yang berunsurkan Islam. Masyarakat seharusnya

memberikan sambutan yang sama rata terhadap semua persatuan kompang tidak kira ia kompang menggunakan lagu moden atau berunsurkan Islam. Ini adalah kerana kompang yang menggunakan lagu ayat suci Al-Quran mempunyai keistimewaan dan cara penyampaian yang tersendiri. Bahkan, boleh memartabatkan penggunaan ayat-ayat Al-Quran berbanding dengan menggunakan lagu-lagu moden. Jika ia tidak dipelihara dan tidak mendapat sambutan, maka kurangnya lagu-lagu berunsurkan Islam dapat didengarkan di kebanyakan majlis keraian seperti majlis perkahwinan.

Kebanyakan masyarakat pada zaman sekarang kurang berminat untuk mempelajari warisan ini

Sesetengah individu samada tua atau muda berpendapat bahawa mempelajari cara bermain kompang bukanlah sesuatu yang menarik minat mereka kerana ia memerlukan ketekunan, kesabaran serta kemahiran yang harus dilatih. Namun, jika adanya kesedaran dan sifat ingin belajar mengenai warisan ini, tidak mustahil ia dapat diwarisi dan mendapat golongan pelapis dari pelbagai umur. Selain itu, masyarakat kurang berminat untuk mempelajari kompang oleh kerana mereka tidak dipupuk dan dididik supaya mempunyai persepsi bahawa mereka merupakan generasi yang bertanggungjawab untuk mengekalkan warisan tersebut. Oleh yang demikian, warisan permainan kompang ini akan terabai dan tidak lagi dikenali pada masa akan datang dek kerana hanya segelintir penyambung warisan oleh generasi muda kini.

OBJEKTIF KAJIAN

Menurut Fariza Khalid dalam artikel "Objektif dan Persoalan Kajian", objektif kajian merupakan matlamat khusus yang boleh didapati menerusi temubual untuk sesuatu kajian yang berkaitan dengan skop dan permasalahan kajian. Oleh itu, terdapat empat objektif khusus yang dapat dinyatakan di dalam kajian ini.

- a) Untuk mengetahui jenis-jenis kompang yang terdapat di Malaysia
- b) Untuk mengetahui jenis-jenis irama yang sering dimainkan
- c) Untuk mengkaji teknik bermain kompang dengan betul
- d) Untuk mengkaji ciri-ciri yang diperlukan oleh seseorang pemain kompang

PERSOALAN KAJIAN

Menurut Fariza Khalid dalam artikel “Objektif dan Persoalan Kajian”, persoalan kajian merupakan soalan yang dikemukakan berkaitan dengan objektif kajian dan menjadi fokus kepada sesuatu kajian. Ia mestilah jelas, boleh dikaji, dan boleh memberi ilmu tambahan di dalam penyelidikan. Oleh itu, terdapat empat persoalan yang dapat dinyatakan di dalam kajian ini.

- a) Apakah jenis-jenis kompang yang terdapat di Malaysia?
- b) Apakah jenis-jenis irama kompang yang sering dimainkan terutamanya di majlis-majlis keraian yang dapat menambat hati masyarakat?
- c) Apakah teknik yang diperlukan untuk bermain kompang dengan baik untuk penghasilan nada yang merdu?
- d) Apakah ciri-ciri yang diperlukan oleh seseorang pemain kompang?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Terdapat juga kepentingan dan sumbangan kajian yang dapat dihuraikan di dalam kajian berkaitan dengan bidang alat tradisional kompang. Kepentingan dan sumbangan kajian ini diharapkan dapat memperlihatkan lagi kepentingan untuk memelihara warisan alat muzik tradisional kompang.

Sumbangan terhadap seni hiburan dalam kalangan masyarakat

Menurut Soedarsono (1998) dan Minawati (2017), kompang merupakan salah satu seni hiburan yang popular dan disukai oleh pelbagai golongan masyarakat. Ini dapat dibuktikan dengan satu kajian yang dijalankan oleh Rakasiwi, Syeilendra, dan Putra, (2018), kompang dianggap sebagai seni tradisional untuk mengekspresikan perasaan dan juga menimbulkan nilai-nilai estetika seperti citarasa pendengar dan keindahan irama yang dimainkan. Selain itu, ia juga sebagai pelengkap sesebuah majlis dan dijadikan sebagai hiburan bagi sesetengah majlis keraian. Persembahan kompang yang mengiringi para tetamu dan pengantin dianggap sebagai seri dan hiburan untuk majlis tersebut. (Ramadona dan Nursyirwan, 2014). Bukan itu sahaja, alunan kompang juga berfungsi sebagai iringan vokal. Menurut Ruseli dan Minawati (2017), corak permainan berirama haruslah disertai dengan melodi

dan vokal yang menjadikan ia konsep persembahan antara memainkan irama dan menyanyikan lagu tersebut. Contohnya, Shalawat Badar, Rukun Islam, dan Asholla. Oleh yang demikian, ia dapat dikatakan sebagai konsep kesatuan bermain kompang Rakasiwi, Syeilendra, dan Putra (2018).

Menjadi sebuah kaedah yang boleh diaplikasikan sebagai medium untuk berkomunikasi dan mendidik budaya

Didapati, seni tradisional kompang juga merupakan salah satu medium komunikasi antara pemain-pemain kompang. Contohnya, dalam kalangan masyarakat setempat. Menerusi artikel “Ketuk-Ketuk Kejut Sahur Selit Nasihat” oleh Abdul Rahemang Taiming (2018), terdapat kumpulan anak muda di daerah Tawau, Sabah menggunakan alat muzik tradisional seperti kompang dan tamborin dengan berarak sepanjang kampung untuk mengejutkan penduduk yang beragama Islam untuk bangun bersahur pada bulan puasa. Bukan itu sahaja, mereka turut memainkan lagu rakyat yang bertujuan untuk memberi nasihat. Selain itu, komunikasi dan mendidik dapat diaplikasikan melalui apa yang diajar oleh pengajar dan apa dipelajari oleh pemain. Menurut Hidayat, Nursyirwan, dan Minawati (2017), seni kompang memupuk produk sosial masyarakat, yang mendorong interaksi antara penduduk dalam acara budaya seterusnya memberi peluang kepada pemain kompang untuk menghiburkan tetamu dan menarik minat masyarakat untuk mewarisi warisan muzik negara. Pengajar juga dapat mengajar nilai-nilai yang baik Syahroni (2011) menekankan bahawa seni kompang tidak hanya memberikan gambaran mengenai sejarah agama, media dakwah dan hiburan untuk rakyat, bahkan mengandungi nilai dan moral yang baik dan mempunyai mesej yang bermanfaat untuk masyarakat.

Mekanisma perpaduan dan pembangunan sesebuah tamadun

Ia boleh dibentuk bukan sahaja di kalangan masyarakat Melayu, malahan dapat mengeratkan hubungan dengan pelbagai warganegara, budaya, dan kaum. Kompang berfungsi sebagai hiburan di istana, upacara keagamaan dan adat dari abad yang lalu. Sehingga kini, ia berkembang ke pelbagai acara-acara seperti acara sukan, perayaan, kemerdekaan, majlis persaraan, dan majlis perkahwinan. Ia juga berfungsi untuk mempamerkan seni Melayu melalui reka bentuk dan teknik permainan yang unik yang dapat

dikenali oleh golongan internasional. Seperti yang dijelaskan oleh Crawford (2018), perpaduan dapat memberikan kebaikan kepada sesebuah negara-negara, terutama negara yang terdiri dari pelbagai bangsa dan budaya. Mereka boleh bersatu melalui percampuran sosial di mana setiap individu berpeluang bermain kompang dalam pelbagai acara. Asral, Nursyirwan, dan Minawati (2017) menyatakan bahawa seni kompang mempengaruhi seni Islam dan Melayu. Kompang dipersembahkan dalam aktiviti keagamaan Islam dan aktiviti budaya Melayu yang khusus, dalam mengendalikan tempo lagu-lagu keagamaan. Nyanyian dengan iringan kompang dapat melancarkan pembacaan huruf di kitab di festival budaya Melayu. Kegiatan keagamaan yang menjalankan kompang seperti Marhaban dan Berzanji adalah platform untuk memupuk perpaduan di antara anggota masyarakat dan masyarakat serantau seperti yang dinyatakan oleh Chan (2019). Kompang dianggap sebagai pemelihara warisan bangsa dan mengeratkan hubungan yang lebih erat (Samat, Tibek, Muhamat, & Hamzah, 2015).

Dapat dipupuk dari usia yang muda dan medium pendidikan di sekolah

Seni tradisional kompang juga dapat diserapkan ke dalam sistem pendidikan nasional melalui aktiviti pembelajaran merentasi bidang akademik. Ia bermaksud, apa yang dipelajari boleh diperkembangkan di pentas pertandingan peringkat kebangsaan. Ini menunjukkan fungsi kompang sebagai seni untuk mendidik pelajar di sekolah menyumbangkan kepada aspek keperluan intelektual, sosial dan kerohanian (Harrison, 2019, Moss, 2019), dan Katsaros, 2018). Menurut Ismail et.al, (2018), kompang telah diiktiraf sebagai alat yang mampu meningkatkan pembelajaran kanak-kanak seiring dengan muzik barat seperti yang terkandung dalam kurikulum pendidikan. Abdullah (2009) menerangkan isi sukatan pelajaran kurikulum pendidikan yang digubal merupakan salah satu usaha untuk membawa warisan seni, yang sebelumnya dipelajari secara tidak formal, ke dalam pendidikan formal seperti kompang, gamelan, dan caklempong. Melalui penerapan seni kompang secara pendidikan yang formal, kanak-kanak ini dapat mempelajari kompang yang merupakan salah satu instrumen muzikal tradisional negara (Abdullah, 2004). Tambahan pula, kemahiran muzik murid terutamanya dalam irama, melodi, nada suara, dan ekspresi jelas bertambah baik. Nilai-nilai lain seperti disiplin, rasa hormat dan kerjasama juga dapat dipupuk dan diasah dalam aktiviti yang dilakukan (Md Jais dan Loo, 2018). Contohnya, kejayaan Victoria Secondary

School, Kuala Lumpur, di Holland pada tahun 2005, dengan jelas menunjukkan bahawa seni kompang berpotensi untuk dipromosikan di peringkat antarabangsa (Nandu, 2012). Melalui pertandingan ini, kompang berfungsi untuk memupuk dan mengembangkan potensi kanak-kanak, memberi pengalaman, menjana idea kreatif, dan untuk membina keyakinan dan kemahiran kanak-kanak (Amin dan Bahrul, 2015).

TINJAUAN LITERATUR

Kajian literatur yang lepas turut membantu dalam melakukan penyelidikan ini. Ia adalah daripada sumber atas talian seperti keratan akhbar dalam talian berkaitan dengan tajuk kajian ini iaitu warisan sejarah alat muzik tradisional kompang. Berdasarkan artikel SalamWeb Today (2020) yang bertajuk "Sejarah Kompang di Malaysia: Berasal dari Tanah Arab?", sejarah alat muzik tradisional kompang menggambarkan bahawa kompang adalah antara sifat-sifat seni muzik tradisional Melayu di negara Malaysia. Ia menyatakan bahawa sejarah kompang berasal dari Negara Arab yang dibawa sejak abad ke tiga belas yang kemudiannya mula berkembang ke Malaysia sehingga kini. Menurut kajian Wa'iz (2020), ia ada menceritakan bagaimana penghasilan kompang Nusantara di mana kulit kompang ini mempengaruhi bunyi yang dihasilkan sama ada daripada kulit kambing atau kulit lembu. Bingkai kompang pada bahagian tepinya diperbuat daripada pilihan kayu keras, seutas rotan, tali atau gegelung plastik yang diselakan antara kulit kompang dan bingkainya untuk memberi ketegangan pada permukaan kulit kompang itu. Kemudian, pada permukaan bingkai kompang itu diletakkan paku pada keliling bingkai supaya dapat menambahkan ketegangan permukaan kulit kompang dan menimbulkan bunyi yang lebih kuat. Kompang yang bersaiz 12 dan 13 inci ini lebih banyak diciptakan daripada kompang 15 inci kerana lebih banyak digunakan oleh masyarakat. Fungsi permainan kompang secara lazimnya untuk memeriahkan majlis yang dipersembahkan secara fleksibel, menjadi alat muzik pengiring, pemacu semangat pasukan dalam acara pertandingan paluan dan formasi kompang (Wa'iz, 2020). Cara untuk mempersembahkan permainan kompang ini bergantung kepada sesuatu acara tersebut sama ada duduk bersila di atas lantai, kerusi ataupun berdiri. Kompang pada masa kini kurang mendapat perhatian daripada zaman dulu disebabkan kemeriahan lagu-lagu dan karaoke yang menjadi pilihan utama masyarakat Melayu kini walaupun kompang ini telah dikenali ramai.

Menurut Bernama (2017), dalam artikel yang bertajuk “Kompang Pusaka Seni Warisan Negara”, persembahan yang diadakan di Publika daripada kumpulan daripada Johor iaitu Persatuan Kompang Kampung Parit Madirono dan daripada Selangor, Kumpulan Kompang Anak Selangor pada masa kini telah memberi pengetahuan baru kepada penonton di mana terdapat perbezaan rentak dari kedua-dua kumpulan tersebut. Menurut Mahni Jais, Ketua Persatuan Kompang Kampung Parit Madirono, rentak yang berlainan itu disebabkan oleh jenis penggunaan kompang ‘jidor’ yang berasal dari Indonesia. Saiz kompang jidor yang lebih besar dan diperbuat daripada kulit kambing jantan menjadikan ianya pelengkap utama bunyi kompang yang berbeza daripada kompang Melayu biasa. Menurut Badron Omar, 66, Ketua KOMPAS, kumpulan ‘teruntung’ dari Sabak Bernam, Selangor, ‘teruntung’ itu asalnya dalam bahasa Jawa yang bermaksud bunyi atau irama utama. Di dalam tradisi kompang mereka, terdapat 6 jenis pukulan asas yang mewujudkan bunyi irama yang baik seperti ‘kesalahan’, ‘banggen’, ‘babon’, ‘perapatan’, ‘kempling’ dan ‘beduk’ (Badron, 2017). Manakala, bagi kumpulan kompang jidor, terdapat 12 jenis pukulan dan gabungan bunyi ini akan menciptakan irama yang cantik dan merdu didengar.

Seterusnya, artikel yang bertajuk “Nyanyi sambil palu kompang” yang diterbitkan oleh MyMetro (2018) mengisahkan tentang seorang Tokoh Siri Dokumentasi Sastera Rakyat yang merupakan bekas pensyarah Universiti Putra Malaysia, penyanyi dan pejuang lagu rakyat, Datuk Aripin Said. Beliau telah berkecimpung dalam bidang permainan kompang selama 48 tahun dan pernah diminta untuk mempersembahkan sehingga ke peringkat antarabangsa iaitu seperti di negara Eropah, Afrika Selatan, India dan England walaupun pengiktirafan masyarakat di negara Malaysia adalah kurang daripada rakyat antarabangsa. Berdasarkan penulis artikel, Nor ‘Asyikin Mat Hayin (2018), Datuk Aripin Said begitu teruja dan terharu apabila terdapat seorang mantan tentara England yang pernah berkhidmat di Pahang pada suatu ketika dulu mahir berbicara dalam bahasa Melayu dan menyambung persembahan beliau ketika di England. Perkara yang menakjubkan lagi daripada tokoh ini adalah beliau mahir mendendangkan sebanyak 60 lagu rakyat dengan menggunakan koleksi kompangnya tersendiri seperti kompang penganugerahan dari bapanya yang berusia lebih 30 tahun dan kompang yang berusia 100 tahun dan bersaiz lebih besar.

Keunikan kompang ini dapat kita lihat secara meluas lagi melalui artikel “Ketuk-ketuk kejut sahur’ selit nasihat” oleh Abdul Rahemang Taiming pada 20 Mei 2018 di MyMetro. Terdapat satu rombongan anak muda di daerah Tawau, Sabah menggunakan alat muzik tradisional seperti kompang dan tamborin dengan berarak sepanjang kampung untuk mengejutkan penduduk yang beragama Islam pada bulan puasa untuk bangun bersahur sejak satu dekad yang lalu. Bukan itu sahaja, malah mereka turut memainkan lagu rakyat yang bertujuan untuk memberi nasihat. Menurut Chivuu Syahputra (2018), budaya ini hendaklah diabadikan dan dilestarikan kerana dapat menjadi pola masyarakat berbilang kaum dengan keunikannya di daerah Tawau seiring dengan sambutan positif dari penduduk kampung terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Menerusi penulisan blog oleh Mohd Fakhru Hakimi (2017) mengenai industri muzik di Malaysia serta pengalamannya yang berkecimpung dalam bidang alat muzik tradisional kompang, terdapat kurangnya liputan serta pengiktirafan daripada pihak media massa di Malaysia. Beliau juga menyatakan seni tradisional kompang ini semakin pupus kerana kurangnya minat dan sambutan dari generasi muda yang kini lebih tertarik dengan peralatan muzik yang lebih moden.

METODOLOGI

Bagi menyempurnakan kajian ini, kaedah sejarah lisan menerusi temunbual bersama tokoh telah dipilih sebagai sumber utama hasil kajian ini. Sejarah lisan dimaksudkan sebagai catatan peristiwa sejarah yang dikaitkan dengan individu atau tempat dan dikategorikan sebagai sumber pertama. Ia juga boleh dimaksudkan dengan kaedah untuk memelihara, mengumpul, dan menafsirkan maklumat yang didapati daripada individu serta komuniti yang terlibat secara langsung supaya ia boleh dikategorikan sebagai sumber utama. Sejarah lisan digunakan untuk membina semula, mencipta dan merekod pengetahuan masyarakat tidak kira pada masa lalu dan sekarang. Menurut artikel “Koleksi Sejarah Lisan Malaysia Kajian Perpustakaan di Malaysia”, Malaysia adalah antara negara pertama di Asia Tenggara yang telah memulakan program sejarah lisan pada tahun 1960-an.

Pemilihan Tokoh

Temubual dijalankan bersama Encik Mohd Dasuki Bin Yusof, yang merupakan seorang individu yang telah 47 tahun berkecimpung dalam warisan alat muzik tradisional kompang. Pemilihan tokoh adalah berdasarkan pengalaman beliau dalam warisan Kompang Rodat yang masih mengekalkan penggunaan Kitab Berzanji sebagai kaedah pembelajaran. Maklumat tokoh diperolehi menerusi penelitian di kawasan setempat di mana tokoh sangat terkenal dan aktif dalam bidang ini serta mempunyai persatuan kompang yang sering mendapat permintaan untuk membuat persembahan untuk pelbagai majlis keramaian.

Pengumpulan Data

Bagi kajian ini, temubual dijalankan pada tarikh 19 haribulan Disember, 2020, bertempat di kediaman tokoh di Jalan Haji Mashudi, Kampung Jenjarom, Selangor. Temubual ini merupakan temubual satu sesi berdurasi tiga jam dua belas minit. Ia dijalankan secara bersemuka bersama tokoh dan menggunakan peranti iaitu telefon bimbit sebagai alat untuk merakamkan audio dan video untuk keseluruhan temubual. Ia adalah bertujuan supaya segala maklumat dan data yang ingin dikumpulkan adalah lengkap. Temubual ini merupakan temubual berstruktur kerana soalan-soalan yang diajukan bermula daripada soalan umum mengenai latar belakang tokoh, seterusnya mengenai bidang yang diceburi sehingga ke soalan khusus yang berkaitan dengan kepakaran tokoh dalam bidang bermain dan mengajar kompang.

HASIL KAJIAN

Kajian ini telah memanasifikasikan beberapa hasil kajian yang berhubung dengan bidang warisan seni budaya dan alat muzik tradisional kompang. Oleh itu, terdapat beberapa hasil kajian yang dapat diketengahkan dalam kajian ini.

Jenis-jenis Kompang

Terdapat beberapa jenis kompang yang dapat disenaraikan. Pertama, Kompang Rodat atau dikenali sebagai Kompang 3 atau Kompang Jawa.

Berdasarkan blog "A culture migration - Kompang Tiga/Jawa in Malaysia", rombongan kompang ini umumnya berasal dari Johor, Selangor dan Perak. Hal ini dapat dipastikan di kawasan-kawasan seperti Tanjung Karang, Sabak Bernam, Kuala Selangor, Kelang, Banting dan Sepang di mana populasi besar yang menguasai kawasan tersebut adalah keturunan Jawa yang kuat.

Seterusnya, Kompang Izhar dan Kompang Hadrah. Seperti Kompang Rodat, Kompang Izhar dan Kompang Hadrah juga berunsurkan ayat-ayat suci Al-Quran. Tetapi ia dibezakan melalui alatan yang digunakan. Contohnya gendang dan gong. Kompang Hadrah unik oleh kerana lirik lagunya yang menggunakan Bahasa Arab. Contohnya, Selawat memuji Nabi Rasulullah S.A.W.

Bukan itu sahaja, terdapat juga Kompang 7 dan Kompang 9. Kompang 7 dan 9 mempunyai banyak persamaan. Ia hanya dapat dibezakan dengan bilangan pemain serta irama yang dihasilkan. Selain itu, irama dan lagu yang dimainkan lebih kepada irama yang lebih moden. Ia juga dapat disamakan dengan Kompang Ramai yang menggunakan lagu dan irama moden seperti "Injit-injit Semut" dan sebagainya.

Sementara itu, terdapat juga kompang x-ray pada masa kini. Menurut satu temubual Berita Harian (2016) terhadap Suman Ahmad, seorang pembuat kompang x-ray, beliau menyatakan bahawa kompang x-ray dapat menghasilkan bunyi yang lebih nyaring dan tahan lama. Ia dapat dibuktikan hasil daripada beliau melakukan beberapa kali cubaan. Kompang x-ray lazimnya diperbuat daripada filem x-ray sebagai pengganti kulit kambing atau lembu. Ia merupakan proses yang lebih mudah dan murah kerana hanya menggunakan filem x-ray terpakai sebagai pengganti belulang.

Jenis-jenis irama

Jenis-jenis irama yang dapat dihasilkan daripada paluan kompang Rodat terdiri daripada irama daripada tiga kumpulan pukulan yang berbeza iaitu perlahan, sederhana rancak, dan juga rancak. Irama dan lagu didapati daripada Kitab Berzanji. Setiap kumpulan pukulan tersebut berbeza dan tidak boleh dicampurkan dengan yang lain. Setiap pengajar dan pemain harus

memastikan bahawa ketiga-tiga jenis irama tersebut dapat dimainkan dengan betul.

Manakala, irama Kompang Izhar dipetik daripada sebuah kitab lama yang bernama Diwanul Hadrah. Menurut Blog Jalal Kompang (2008), Kompang Izhar terdiri daripada dua belas zikir yang melibatkan pukulan hadarah, hadrah pendek, berteh, baru, dan rancak. Antaranya adalah Bismillahi, Yarabbana, Alhamdulillah, Sallallah, dan Khod'sa.

Oleh itu, terdapat dua kategori alunan irama ketika bermain kompang di mana ia dipanggil sebagai alunan Bayas dan Sikah. Kedua-dua alunan tersebut digunakan apabila memainkan sesebuah irama dan lagu. Kedua-dua jenis alunan tersebut berkaitan dengan lenggokan dan kelancaran ketika memainkan irama dan mendendangkan lagu ketika persembahan.

Teknik bermain

Menurut Blog Music Informations Johor Bahru Arts School, teknik asas bermain kompang adalah menggunakan sebelah tangan, manakala sebelah tangan lagi memukulnya. Terdapat dua cara memegang kompang iaitu menampung dan menggenggam. Manakala, bahagian untuk memalu kompang adalah di bahagian tengah dan juga bahagian bawah muka kompang. Terdapat tiga bahagian pukulan pada setiap persembahan kompang iaitu pukulan 'mula' untuk memulakan persembahan, pukulan lagu, dan pukulan 'mati' yang digunakan untuk mengakhiri lagu. Pada asasnya, kompang menghasilkan dua bunyi iaitu 'pak' dan bunyi 'bung'.

Bunyi 'pak' dihasilkan apabila bahagian tengah kompang dipalu dengan tapak tangan sambil jari tangan terbuka. Faktor untuk menentukan kekuatan bunyi dan bunyi yang tepat adalah bergantung daripada sentuhan jari yang menyentuh semasa memalu bahagian muka kompang. Bunyi 'bung' dihasilkan dengan memalu bahagian tepi muka kompang dengan keadaan semua jari tertutup.

Terdapat tiga pukulan asas yang terdapat dalam permainan kompang iaitu pukulan melalu, pukulan meningkah atau menyilang, dan melanak. Pukulan melalu boleh menghasilkan bunyi 'pang' dimana pemain harus

memalu di bahagian tengah. Pukulan meningkah atau menyilang haruslah di selang-selikan. Bunyi pukulan di tengah akan menghasilkan 'pang' dan 'ko', manakala di bahagian bawah akan menghasilkan bunyi 'bung' dan 'ge'. Bagi pukulan melanak, ia sering dimainkan oleh pemain yang mahir kerana rentaknya yang sedikit rancak.

Seni persembahan Kompang Rodat adalah unik dan istimewa berdasarkan daripada tema dan jenis keraian yang diraikan. Oleh sebab itu, ia sering dimainkan di perayaan keagamaan, seperti perayaan hari-hari besar Islam, Awal Muharam, berkhatan, khatam Al-Quran, dan majlis keraian seperti Majlis perkahwinan. Seni persembahan Kompang Rodat dilakukan dengan perarakan yang diiringi dengan nyanyian atau lafaz yang menekankan puji-pujian terhadap Allah. Seni persembahan kompang boleh dilihat apabila adanya majlis-majlis keraian seperti majlis perkahwinan, perasmian sesuatu majlis, perayaan keagamaan, dan berkhatan. Persembahan kompang dimainkan secara dengan jumlah pemain yang mencukupi. Menurut Jusoh (2014), seni persembahan hanya dapat dikuasai oleh orang yang mempunyai bakat dan berjiwa seni sahaja. Terdapat beberapa cara atau kedudukan untuk bermain kompang mengikut kesesuaian acara yang diadakan. Antaranya ialah secara berjalan, berdiri dan duduk. Pemain akan duduk di atas kerusi atau bersila jika ia dimainkan untuk majlis berzanji. Jika sambutan meraikan majlis-majlis rasmi, kedatangan tetamu kehormat atau acara pernikahan, pemain akan bermain sambil berjalan atau berdiri dengan mengiringi tetamu atau pengantin tersebut. Ia membuatkan permainan kompang masih mendapat sambutan dan menjadi sebahagian daripada budaya dan kesenian muzik serta menjadi identiti masyarakat Melayu.

Ciri-ciri pemain

Ciri-ciri pemain yang bagus ialah pemain tersebut haruslah faham terhadap setiap irama dan lagu yang dimainkan. Oleh itu, pemain harus peka dan mahir dengan kumpulan pukulan yang telah ditetapkan oleh pengajar. Selain itu, pemain haruslah mempunyai semangat berpasukan dan berdisiplin. Menurut Dasuki (2020), setiap pemain harus mempunyai disiplin dan semangat berpasukan yang tinggi kerana kedua-dua sikap tersebut sangat diperlukan apabila melakukan sesuatu persembahan. Ia dapat dilihat samada berjaya melaksanakan persembahan atau tidak.


Ciri-ciri pemain juga boleh dipengaruhi oleh minat terhadap bidang tersebut. Minat boleh dipengaruhi oleh persepsi seseorang terhadap sesuatu perkara yang pernah dilihat dan seterusnya mendorong untuk melakukan perkara tersebut. Menurut Polak (1976), minat didorong oleh perasaan ingin tahu terhadap sesuatu perkara yang dilihat atau dirasa. Menurut Dasuki (2020), minat masyarakat dulu untuk bermain Kompang Rodat adalah melalui hobi untuk mengisi masa lapang pada ketika itu. Menurut Walgito (1981), minat merupakan suatu keadaan apabila seseorang itu memberikan perhatiannya terhadap sesuatu benda atau situasi dan disertai dengan keinginan untuk mempelajari atau mengetahui lebih lanjut.



Gambar 1: Kompang Rodat



Gambar 2: Contoh teknik memegang Kompang



Gambar 3: Salah satu muzik nota Irama Kompang yang digunakan

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan, seni tradisional kompang ini mempunyai pelbagai jenis dan keunikannya tersendiri terutamanya jenis Kompang Tiga atau Kompang Rodat yang lebih dikenali dengan panggilan bahasa Jawa. Melalui pelbagai sumber yang telah dikaji ini dapat dibuktikan bahawa seni budaya dan warisan sejarah di Malaysia ini mempunyai potensi besar dan berharga kepada masyarakat, bukan sahaja Melayu, tetapi Cina dan juga India. Bukan itu sahaja, perkara tersebut dapat dilihat daripada terdapatnya pelbagai bukti yang diwar-warkan dan dapat kita lihat di media massa serta persekitaran yang membuktikan alat muzik tradisional Kompang Rodat adalah tidak lapuk dek zaman dan ianya juga telah berkembang jauh ke persada dunia. Dengan penerimaan positif daripada masyarakat tempatan mahupun internasional, ia mengukuhkan lagi bahawa alat muzik tradisional yang menjadi salah satu seni warisan tradisional di Malaysia mampu diperluaskan, dikenali, dan dimartabatkan. Dalam masa yang sama, masyarakat seharusnya bersama-sama memberi pendedahan mengenai warisan alat muzik tradisional Kompang Rodat ini supaya ia tidak semakin pupus dan lenyap begitu sahaja. Semua bangsa harus mempunyai kesedaran mengenai perkara tersebut supaya ia mempunyai memori dan warisan samada untuk yang sudah terkenal ataupun tidak.

RUJUKAN

- Abdullah, M. (n.d.). Enchanting the Culture: An Introduction to The Authentic Kompang Playing. Retrieved January 17, 2021, from https://www.academia.edu/380345/ENCHANTING_THE_CULTURE_AN_INTRODUCTION_TO_THE_AUTHENTIC_KOMPANG_PLAYING
- Azila, K. (n.d.). Idiosyncratic Aspects of Malaysian Music: The Roles of the Kompang in Malay Society. Retrieved January 17, 2021, from https://www.academia.edu/5180297/Idiosyncratic_Aspects_of_Malaysian_Music_The_Roles_of_the_Kompang_in_Malay_Society
- Faiz Anwar. (2017). *Kompang Seni Tradisi Melayu*. Ampang, Selangor: UiTM Press Sdn. Bhd. Retrieved February 9, 2021, from, <https://www.yumpu.com/xx/document/read/59165442/kompang-seni-tradisi-melayu>
- Fariza Khalid. (n.d.). Objektif & Persoalan Kajian. Universiti Kebangsaan Malaysia, p.1-14. Retrieved February 9, 2021, from https://www.farizakhalid.com/uploads/3/0/7/7/30779151/persoalan_kajian_.pdf
- Hakimi, M. F. (2017). INDUSTRI MUZIK DI MALAYSIA. Retrieved January 17, 2021, from <http://mfakhrulhakimi.blogspot.com/2017/12/industri-muzik-dalam-meniti-kehidupan.html>
- Hayin, N. (2018). Nyanyi sambil palu kompang usang. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/09/374451/nyanyi-sambil-palu-kompang-usang>
- Ismail, M. J., Chiat, L. F., Anuar, A. F., & R. Y. (2020). Institutionalising the Kompang for Primary School Students in Malaysia. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 13(5), p.275-288.
- Jalal Kompang. (2008). Zikir Tradisi Ezhar. Retrieved February 9, 2021, from <https://jalalkompang.tripod.com/id9.html>
- Lah, F. (2017). Kongsi keunikan budaya Melayu di Jepun. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/10/271179/kongsi-keunikan-budaya-melayu-di-jepun>
- Lah, F. (2017). Seni budaya bukan remeh. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/12/296744/seni-budaya-bukan-remeh>
- Lily Riani. (2017). A culture migration - Kompang Tiga/Jawa in Malaysia: traveholic. Retrieved February 9, 2021, from

<http://lilyrianitravelholic.blogspot.com/2017/03/kompang-tigajawa-in-malaysia.html>

Yusoo, H. S. (2017). Jangan Pandang Alat Muzik Tradisi Sebelah Mata. *BH Online*. Retrieved February 9, 2021, from <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/01/231955/jangan-pandang-alat-muzik-tradisi-sebelah-mata>

Samsudin, N. (2016). Kompang x-ray lebih nyaring. Retrieved January 17, 2021, from <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/04/139685/kompang-x-ray-lebih-nyaring>

Taiming, A. (2018). 'Ketuk-ketuk kejut sahur' selit nasihat. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/05/428019/ketuk-ketuk-kejut-sahur-selit-nasihat>

Zulkifli, A. (2020). Berarak, berselawat di atas bot rai Maulidur Rasul [METROTV]. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/10/635977/berarak-berselawat-di-atas-bot-rai-maulidur-rasul-metrotv>